

# AQIDAH

## UNIT 4

*Kelas Bimbingan Dewasa*

**BERIMAN**

**KEPADA**

**MALAIKAT**

# PERKARA YANG AKAN DIPELAJARI

- Percaya kepada kewujudan malaikat
- Kenali nama-nama malaikat dan tugasannya
- Hikmah beriman kepada malaikat.

# BERIMAN KEPADA MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH

Ertinya: percaya bahawa Allah telah menjadikan suatu makhluk daripada nur (cahaya) yang tidak dapat dilihat dengan mata.

Sifat dan tugas mereka juga tidak sama dengan manusia.

# BERIMAN KEPADA MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH

Sifat-sifatnya:

- Makhluk nurani
- Tidak mempunyai hawa nafsu
- Tidak berjantina-sesiapa yang mensabitkan jantina malaikat dikira fasiq
- Tidak dapat dilihat manusia
- Diciptakan hanya untuk ta'at serta melaksanakan perintah Allah

# DALIL ADANYA MALAIKAT

﴿٢٦﴾ وَقَالُوا اتَّخَذَ الرَّحْمَنُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ ۚ بَلْ عِبَادٌ مُّكْرَمُونَ  
﴿٢٧﴾ لَا يَسْبِقُونَهُ ۚ بِالْقَوْلِ ۖ وَهُمْ بِأَمْرِهِ يَعْمَلُونَ

*"Sebenarnya malaikat-malaikat itu ialah hamba-hamba yang dimuliakan. Mereka tidak mendahuluiNya dengan perkataan dan mereka mengerjakan perintah-perintahNya." (al-Anbiya':26-27)*

# DALIL ADANYA MALAIKAT

نَزَّلُ الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ﴿٤﴾

*“ Pada malam itu para Malaikat dan Malaikat Jibril sama turun dengan izin Tuhannya untuk mengatur berbagai urusan.” (al-Qadar:4)*

# DALIL ADANYA MALAIKAT

Sabda Rasulullah s.a.w:

(خلقت الملائكة من نور وخلق الجنّ من مارج من نار)

*Para Malaikat telah diciptakan dari cahaya dan jin pula dicipta dari api yang menjulat.*

# NAMA-NAMA MALAIKAT DAN TUGASANNYA

1. JIBRIL : “RUHUL AMIN”, “RUHUL QUDUS”
  - > Menyampaikan wahyu kepada para Rasul.
2. MIKAIL :
  - Membahagikan rezeki kepada makhluk,
  - Mengatur hujan, angin dan sebagainya yang menjadi sumber rezeki bagi makhluk.
3. ISRAFIL:
  - meniup sangkakala pada hari kiamat.
4. IZRAIL: “MALAKUL MAUT”
  - Mencabut nyawa makhluk.

# NAMA-NAMA MALAIKAT DAN TUGASANNYA

5 & 6 MUNKAR DAN NAKIR

- Menyoal didalam kubur.

7 & 8 RAQIB DAN ATID

- Mencatat perbuatan manusia disunia.
- RAQIB: Mencatat kebaikan.
- ATID: Mencatat kejahatan

9 MALIK: "ZABANIYAH"  
> Menjaga Neraka

10 RIDWAN:  
> Menjaga Syurga

11 HAFAZAH:

- Menjaga manusia ketika jaga dan tidur dalam setiap keadaan.

# ALAM JASMANI DAN ALAM ROHANI

- ❑ Alam Jasmani:
  - Alam yang dapat dialami dengan pancaindera.
  - Alam ini termasuk bumi dan segala isinya, bintang, bulan, matahari dan planet lain.
- ❑ Alam Rohani:
  - Alam yang tidak dapat dilihat dengan pancaindera.
  - Alam ini termasuk malaikat, jin, syaitan, roh manusia dan semumpamanya.

# ALAM JASMANI DAN ALAM ROHANI

- ❑ Kita mengetahui kewujudan alam rohani melalui al-Quran dan Hadith.

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ  
الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا

*“ Mereka akan bertanya kepadamu tentang roh; maka katakanlah bahawa roh itu urusan Tuhanku dan kamu tidak diberi ilmu kecuali sedikit” (al-Isra’ : 85)*

# HIKMAH BERIMAN KEPADA MALAIKAT

Mencontohi kepatuhan, kejujuran dan disiplin Malaikat dalam melaksanakan tugas yang diberi Allah.

- Menjaga setiap amal perbuatan, kerana segalanya tidak akan terlepas daripada catitan Malaikat.

Terhindar dari kepercayaan yang tidak benar mengenai Malaikat yang ditimbulkan manusia.

- Kita sedar jika manusia seluruhnya tidak beriman kepada Allah, masih tetap ada makhluk yang lain beribadah, bertasbih dan memuji Allah tanpa jemu.

Kekuasaan Allah dalam menciptakan setaat-taat makhluk seperti Malaikat dan sejahat-jahat makhluk seperti syaitan.